

05 JUN 2003

ABDULLAH-PKS/I

AMBIL KESEMPATAN PENUH GALAKAN DALAM PAKEJ, ABDULLAH SARAN PKS

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana (PKS), yang merupakan lebih 90 peratus daripada syarikat-syarikat di dalam sektor pembuatan, patut mengambil kesempatan penuh daripada galakan-galakan yang ditawarkan oleh kerajaan di dalam pakej ekonomi, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata.

"Langkah-langkah itu patut bertindak sebagai jalan bagi PKS-PKS untuk memulihkan sektor pembuatan," beliau berkata pada Pameran dan Persidangan Penyelesaian Sehenti IKS 2003" di sini hari ini.

Turut hadir pada perasmian itu ialah Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng yang juga pengerusi pengajur persidangan itu.

Pakej ekonomi sebesar RM7.3 bilion yang diumumkan pada 21 Mei, 2003 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, termasuk menawarkan kemudahan kredit mikro sebanyak RM1 bilion kepada perniagaan-perniagaan kecil yang akan lebih murah dan lebih mudah untuk diperolehi.

Beliau berkata pengecualian keperluan cagaran yang turut terkandung di dalam pakej itu dan perkara yang menjadi kemusykilan para usahawan, seharusnya menjadi galakan utama kepada pengujudan pengusaha-pengusaha baru.

Kerajaan, yang melihat berkembangannya PKS-PKS sebagai penting dalam penggalakan pertumbuhan dan pelaburan domestik, tidak mahu melihat para usahawan bergantung kepada "Along" atau ceti-ceti haram untuk dana-dana.

Abdullah berkata bahawa PKS-PKS patut mengadu kepada agensi-agensi seperti Unit Khas PKS di Bank Negara untuk bantuan.

Kemudian pada satu sidang akhbar, Abdullah berkata kerajaan menganggap Along sebagai satu masalah yang amat serius.

Itulah sebabnya kenapa terdapat penekanan ke atas strategi-strategi dan galakan-galakan untuk membantu PKS-PKS dan industri-industri kecil dan sederhana (IKS) di alam pakej berkenaan.

Abdullah berkata kerajaan berpendapat bahawa adalah berbaloi memberikan IKS-IKS dan PKS-PKS galakan dan bantuan kerana banyak syarikat multinasional hari ini bermula sebagai IKS-IKS dan PKS-PKS.

Beliau berkata kumpulan itu adalah di kalangan sektor yang telah menunjukkan dayatahan daripada akibat negatif wabak Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS) dan perang Iraq baru-baru ini.

Walaupun terdapat penyakit seperti radang paru-paru dan perang itu, IKS-IKS dan PKS-PKS, yang merupakan tulang belakang sektor pembuatan, tidak kehilangan peranan mereka dalam menjana pertumbuhan ekonomi.

Di dalam ucapannya, Abdullah menyeru PKS-PKS supaya memperbaiki mutu produk-produk dan perkhidmatan mereka untuk bersaing di dalam keadaan pasaran yang lebih liberal.

"Sesungguhnya, hari-hari mutu produk dan perkhidmatan yang tidak konsisten - kadang-kadang baik, kadang-kadang buruk - dan juga kelewatan yang tidak boleh dimaafkan dan pengendalian pelanggan yang lemah bagi PKS-PKS mestilah ditinggalkan," tambah beliau.

Untuk terus berdaya saing, katanya, PKS-PKS patut melabur di dalam penyelidikan dan pembangunan dan menggunakan teknologi terbaru.

"Asasnya ialah demikian: Anda mestilah mempertingkatkan perniagaan anda secara berterusan atau menghadapi risiko kerugian semuanya. Jangan harapkan pilih kasih atau sebarang belas kasihan daripada pasaran," kata Abdullah.

-- BERNAMA

MAD KTC OS

